

**PERJANJIAN
PINJAMAN PELAJARAN**

ANTARA

DAN

MAJLIS AMANAH RAKYAT

DAN

DAN

Bertarikh pada

haribulan

20

PERJANJIAN ini dibuat pada tarikh yang dinyatakan di Bahagian 1, Jadual kepada Perjanjian ini di antara pihak yang nama dan butir-butirnya dinyatakan di Bahagian 2, Jadual kepada Perjanjian ini (selepas ini disebut 'Pelajar') sebagai pihak pertama DAN Majlis Amanah Rakyat sebuah badan berkanun yang ditubuhkan di bawah Akta Majlis Amanah Rakyat 1966 yang beralamat di Ibu Pejabat MARA, No.21, Jalan MARA, 50609 Kuala Lumpur (selepas ini disebut 'Majlis') sebagai pihak kedua DAN pihak yang nama dan butir-butirnya dinyatakan di Bahagian 3 Jadual kepada Perjanjian ini (selepas ini disebut 'Penjamin-Penjamin') sebagai pihak Ketiga.

BAHAWASANYA Pelajar telah memohon kepada Majlis untuk suatu pinjaman bagi maksud melanjutkan pelajarannya dan Majlis telah bersetuju untuk memberikan pinjaman itu atas dan tertakluk kepada syarat-syarat yang terkandung kemudian daripada ini. Pinjaman ini adalah patuh syariah berdasarkan konsep Qard yang merujuk kepada kontrak pemberian pinjaman oleh pemberi pinjaman kepada peminjam yang mana ia harus membayar jumlah penggantian setara kepada pemberi pinjaman.

DAN BAHAWASANYA Penjamin-Penjamin telah bersetuju untuk menggerenti pelaksanaan oleh Pelajar terhadap kewajiban dan tanggungan-tanggungannya di bawah Perjanjian ini dan selanjutnya telah bersetuju untuk melepaskan tanggungan Majlis terhadap apa-apa kerugian yang mungkin ditanggung oleh Majlis apabila diminta akibat dari kemungkiran oleh Pelajar terhadap Perjanjian ini atau mana-mana bahagiannya.

MAKA ADALAH DENGAN INI DIPERSETUJUI DAN DIAKUI seperti berikut:-

1. Pelajar, dengan kelulusan dan persetujuan Penjamin-Penjamin dengan ini bersetuju:-
 - (a) bahawa ia memasuki dan dengan sesungguhnya meneruskan kursus pengajian / latihan dan memasuki semua ujian atau peperiksaan yang disyaratkan dalam kursusnya di universiti atau kolej atau institusi sebagaimana yang diluluskan oleh Majlis untuk mendapatkan satu Ijazah atau Diploma atau Sijil yang dikehendaki oleh Majlis seperti yang dinyatakan di dalam Surat Tawaran Pinjaman Pelajaran yang disebut di Fasal 16 dan bahawa ia akan menyempurnakan kursus pengajian / latihan yang tersebut itu dalam masa yang ditetapkan dalam Surat Tawaran Pinjaman Pelajaran atau dalam sesuatu masa yang lebih lama lagi sebagaimana yang diluluskan oleh Majlis;
 - (b) bahawa ia, pada sepanjang kursus pengajian / latihan itu tidak akan mengambil bahagian dalam apa-apa jua kegiatan yang pada pendapat Majlis tidak berfaedah kepada Pelajar, Majlis atau Negara, dan jika demikian dikehendaki, akan berhenti daripada mengambil bahagian selanjutnya dalam kegiatan itu;
 - (c) bahawa ia, bagi maksud kursus pengajian / latihan itu, akan belajar di suatu atau di beberapa tempat sama ada dalam Malaysia atau dalam mana-mana negeri lain sebagaimana di arah oleh Majlis dari semasa ke semasa;
 - (d) bahawa ia, semasa dalam tempoh kursus pengajian / latihan, akan menurut apa-apa peraturan dan tata tertib sebagaimana yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa dalam universiti, kolej atau institusi yang ia dikehendaki menghadirinya atau di lain-lain tempat di bawah arahan universiti, kolej atau institusi tersebut di mana kursus pengajian / latihan itu dan mana-mana bahagiannya mungkin dijalankan;
 - (e) bahawa ia, hendaklah melaporkan dengan segera iaitu dalam masa tidak lebih dari satu bulan dari tarikh keputusan diisytiharkan oleh universiti, kolej atau institusi, kepada Majlis atau wakil yang mungkin ditetapkan akan keputusan peperiksaan penggal, semester, tahunan atau akhir seperti yang dimasukinya;
 - (f) bahawa ia, apabila tamat atau terlebih dahulu diberhentikan kursus pengajian / latihan dengan apa jua sebab, hendaklah dengan serta-merta kembali ke Malaysia jika ia berada di seberang laut; dan

- (g) bahawa ia, akan membayar balik semua pinjaman kepada Majlis menurut cara yang terkandung kemudian daripada ini;
- (h) Adalah dengan ini dipersetujui oleh Pelajar dan Penjamin-Penjamin bahawa Pelajar adalah bertanggung untuk menuntut / mengurus pemulangan apa-apa bayaran yang telah dibayar oleh Majlis kepada Universiti atau Kolej atau Institusi termasuk yuran pengajian dan lain-lain elaun dan memastikan Universiti atau Kolej atau Institusi mengembalikan bayaran tersebut kepada Majlis atas sebab Pelajar tidak menggunakan elaun tersebut. Pelajar memberi akujanji sekiranya Pelajar gagal mengurus pemulangan bayaran tersebut, Pelajar adalah bertanggung untuk membayar balik kepada Majlis apa-apa wang yang telah dibayar oleh Majlis kepada Universiti atau Kolej atau Institusi.
2. Sebagai balasan bagi perkara-perkara yang tersebut di atas Majlis dengan ini bersetuju untuk meminjamkan kepada Pelajar Wang berjumlah Ringgit..... (RM.....) seperti yang dinyatakan dalam Surat Tawaran Pinjaman Pelajaran yang disebutkan di bawah Fasal 16 Perjanjian ini (kemudian daripada ini disebut 'Jumlah tersebut') dan atas permintaan Pelajar dan atas budibicara mutlak Majlis jumlah tambahan lebih daripada Jumlah tersebut akan dikeluarkan kepada Pelajar, atau kepada Pihak-Pihak berkuasa yang bertanggungjawab bagi kursus pengajian atau latihannya untuk membayar yuran pelajaran dan lain-lain perbelanjaan yang dibenarkan oleh Majlis menurut budibicara mutlaknya DENGAN SYARAT SENTIASA bahawa Majlis hendaklah memberi notis bertulis berkenaan pemberian jumlah-jumlah tambahan itu kepada Penjamin-Penjamin. Memadai sekiranya notis yang hendak diserahkan dialamatkan dan dihantar secara pos biasa di alamat-alamat yang tersebut dalam Perjanjian ini dan dikira terserah pada masa ianya sepatutnya sampai di alamat yang dituju.
- Bagi maksud-maksud Perjanjian ini, jumlah bagi Jumlah tersebut sebagaimana yang dipinjamkan kepada Pelajar dan jumlah-jumlah tambahan, jika ada, yang diberikan kepada Pelajar oleh Majlis adalah kemudian daripada ini disebut 'Pinjaman tersebut'.
3. Pinjaman tersebut hendaklah dibayar balik kepada Majlis apabila tamat atau meninggalkan kursus pengajian / latihannya dengan ansuran bulanan yang mana bilangan ansuran itu akan ditentukan atas budibicara Majlis semata-mata, bayaran pertama bagi itu kena dibayar pada 1hb. bagi bulan ketujuh (7) dari tarikh ia menamatkan atau meninggalkan kursus pengajian / latihan dan selepas itu pada 1hb. bagi tiap-tiap bulan yang berikutnya sehingga selesai kesemua Pinjaman tersebut DENGAN SYARAT SENTIASA bahawa Majlis adalah berhak pada bila-bila masa untuk mengubah cara dan / atau masa atau masa-masa bagi pembayaran balik itu dan meminta pembayaran balik dengan serta-merta bagi kesemua Pinjaman tersebut atau sebanyak mana yang masih belum dibayar menurut budibicara mutlaknya dan tanpa memberi apa-apa sebab baginya.
4. Sebagai balasan bagi Majlis memberikan Pinjaman tersebut, Penjamin-penjamin adalah dengan ini bersesama dan masing-masingnya bagi pihak mereka atau diri masing-masing dan wakil diri mereka dengan ini menggerenti pembayaran balik oleh Pelajar akan Pinjaman tersebut dan selanjutnya bersetuju untuk melepaskan tanggung Majlis terhadap apa-apa kerugian yang mungkin ditanggung atau didapatinya akibat dari kemungkiran atau oleh sebab Pelajar itu tidak melaksanakan tanggungan-tanggunggannya di bawah Perjanjian ini dan adalah berhak untuk membuat sesuatu tuntutan terhadap atau mendakwa Penjamin-penjamin atau salah satu daripada mereka tanpa membuat sesuatu tuntutan terhadap atau mendakwa Pelajar berkenaan dengan atau untuk mendapatkan balik Pinjaman tersebut atau mana-mana bahagiannya.

5. Adalah dengan ini dipersetujui dan diakui bahawa:
- a) jika pada bila-bila masa dalam berjalan kuatkuasanya Perjanjian ini salah seorang atau kedua-dua PENJAMIN itu mati atau tidak lagi bermastautin dalam Malaysia atau berada di luar Malaysia selama lebih daripada dua belas bulan berturut-turut atau dihukum menjadi seorang bankrap atau memperolehi suatu perintah pentadbiran pemakan gaji, maka dalam tiap-tiap hal yang demikian itu Pelajar atau seseorang daripada Penjamin-penjamin yang masih ada, hendaklah mendapatkan seorang atau orang-orang mengikut mana yang berkenaan untuk menggantikan Penjamin atau Penjamin-penjamin yang pertama tersebut itu; dan tiada seorang boleh menggantikan seseorang daripada Penjamin-penjamin itu melainkan ia disetujuterima oleh Majlis dan ia bersetuju menjadi seorang penjamin mengikut had-had dan syarat-syarat Perjanjian ini;
 - b) jika sekiranya tiada seseorang seperti tersebut di atas didapati untuk menggantikan Penjamin atau Penjamin-penjamin yang disebut dalam perenggan (a) Majlis boleh, menurut opsyennya, pada bila-bila masa selepas itu menamatkan Perjanjian ini dan dengan itu Pelajar, tidaklah lagi mempunyai apa-apa tuntutan ke atas apa-apa faedah di bawah Perjanjian ini dan jika Pelajar pada tarikh penamatan tersebut berada di luar Malaysia, Majlis hendaklah memberi tambang balik daripada tempat tersebut ke Malaysia, mengikut jalan darat, laut atau udara dan mengikut kelas berkenaan yang ditentukan oleh Majlis.
6. Adalah selanjutnya dipersetujui dan diakui bahawa semasa dalam tempoh kursus pengajian / latihan, Pelajar:-
- a) tidak boleh melakukan perbuatan jenayah, salahlaku dalam apa cara juapun yang pada pendapat Majlis mungkin menjatuhkan nama baik Pelajar, Majlis atau Malaysia;
 - b) tidak boleh menukar kursus pengajian / latihan tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada Majlis;
 - c) tidak boleh menukar tempat pengajian ke Universiti, Kolej atau Institusi selain daripada yang telah ditetapkan oleh Majlis tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada Majlis;
 - d) tidak boleh melanjutkan tempoh dan/atau menangguhkan kursus pengajian / latihan tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada Majlis;
 - e) tidak boleh meninggalkan kursus pengajian / latihan sebelum sempurnanya kursus pengajian / latihan tersebut tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada Majlis;
 - f) hendaklah menyempurnakan kursus pengajian / latihan dengan jayanya dalam tempoh yang telah ditetapkan;
 - g) jikalau belum lagi berkahwin pada tarikh Perjanjian ini, tidak boleh berkahwin kecuali terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada Majlis;
 - h) tidak boleh menerima apa-apa pekerjaan baik yang berpendapatan ataupun tidak, kecuali dengan terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada Majlis;

- i) tidak boleh mengambil bahagian dalam apa-apa kegiatan yang difikirkan oleh Majlis tidak selaras dengan kepentingan Pelajar, Majlis atau Malaysia, dan apabila Pelajar diberitahu oleh Majlis bahawa apa-apa kegiatan yang ia mengambil bahagian adalah tidak selaras dengan kepentingan Pelajar, Majlis atau Malaysia maka Pelajar hendaklah berhenti dengan serta-merta daripada mengambil bahagian selanjutnya;
- j) tidak boleh memegang apa-apa jawatan di dalam pertubuhan badan atau kumpulan orang tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis daripada Majlis dan Majlis mengikut budibicara mutlaknya, boleh memberi atau tidak memberi kelulusan itu;

7. Adalah selanjutnya dipersetujui dan diakui bahawa Pelajar tidak boleh pada bila-bila masa dalam masa berjalan kuatkuasanya Perjanjian ini, iaitu dalam masa tempoh kursus pengajian/ latihan:-

- a) mengambil apa jua bahagian dalam sesuatu penghasutan atau tunjuk perasaan di mana-mana tempat oleh apa-apa pertubuhan, badan atau kumpulan orang iaitu penghasutan atau tunjuk perasaan yang, pada pendapat Majlis, adalah memudaratkan kepentingan Majlis, Malaysia atau sesuatu institusi pendidikan;
- b) menyediakan atau mengedarkan dengan apa-apa cara, atau mengambil apa jua bahagian dalam menyediakan atau mengedarkan, sesuatu penghasutan atau tunjuk perasaan di mana-mana tempat oleh apa-apa pertubuhan, badan atau kumpulan orang, iaitu penghasutan atau tunjuk perasaan yang, pada pendapat Majlis adalah memudaratkan kepentingan Majlis, Malaysia atau sesuatu institusi pendidikan;
- c) menyediakan, mencetak, membahagi-bahagi atau mengedarkan atau mengambil bahagian dengan apa-apa cara dalam menyedia, mencetak, membahagi-bahagi atau mengedarkan apa-apa dokumen atau lain-lain bahan yang pada pendapat Majlis adalah memudaratkan kepentingan Majlis, Malaysia atau sesuatu institusi pendidikan;
- d) membuat apa-apa kenyataan di sesuatu perhimpunan apa-apa kumpulan orang di mana-mana tempat yang pada pendapat Majlis adalah memudaratkan kepentingan Majlis, Malaysia atau sesuatu institusi pendidikan;
- e) membuat apa-apa kenyataan di dalam laman web, media cetak, media eletronik atau media sosial termasuk tetapi tidak terhad kepada blog, rangkaian sosial, wiki, forum atau dunia siber yang pada pendapat Majlis adalah memudaratkan nama baik dan kepentingan Majlis, Malaysia atau sesuatu institusi pendidikan.

8. Pelajar hendaklah memberitahu Majlis dengan bertulis berkenaan pemberian apa-apa biasiswa, dermasiswa, pinjaman atau apa-apa cara bantuan kewangan yang lain yang diberikan kepadanya semasa berjalannya kursus pengajian atau latihan yang baginya Pinjaman tersebut di bawah Perjanjian ini telah diberikan selepas sahaja pemberian biasiswa, dermasiswa, pinjaman atau lain-lain cara bantuan itu diberikan oleh sesiapa juga atau mana-mana badan, kerajaan atau selainnya, dan apabila menerima notis itu Majlis adalah berhak untuk membenarkan, menarik balik atau berhenti memberi apa-apa jumlah selanjutnya berkenaan dengan Jumlah atau jumlah-jumlah tambahan tersebut dan untuk meminta pembayaran balik Pinjaman tersebut dengan serta-merta atau dalam tempoh sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis menurut budibicara mutlaknyanya. Kegagalan Pelajar untuk memberitahu sedemikian hendaklah disifatkan sebagai suatu kemungkiran terhadap Perjanjian ini dan Majlis adalah selepas itu berhak menarik balik atau berhenti daripada memberi apa-apa jumlah selanjutnya berkenaan Jumlah atau jumlah-jumlah tambahan tersebut dan boleh meminta pembayaran balik bagi Pinjaman tersebut dengan serta-merta.
9. Jika Pelajar melakukan pelanggaran terhadap mana-mana hal dalam Perjanjian ini, Majlis boleh menurut budibicara mutlaknyanya, menamatkan Perjanjian ini dan dengan itu Pelajar dan Penjamin-Penjamin hendaklah bersesama dan masing-masing bertanggung bagi pihak mereka atau diri masing-masing dan wakil mereka atau wakil di sisi undang-undang untuk dengan serta-merta membayar balik kepada Majlis Pinjaman tersebut dan Pelajar atau penjamin-penjamin tidaklah lagi mempunyai apa-apa tuntutan ke atas apa-apa faedah Perjanjian ini.
10. Majlis adalah pada bila-bila masa dan tanpa memberikan apa-apa sebab baginya dan tanpa menyentuh hak-hak di bawah Perjanjian ini berhak untuk menarik balik, memberhenti, atau menggantung daripada memberi apa-apa Jumlah atau jumlah-jumlah tambahan tersebut dan Pelajar atau Penjamin-Penjamin atau salah seorang dari mereka tidak mempunyai apa-apa tuntutan atau hak membawa tindakan terhadap Majlis atau yang berkenaan dengan atau yang timbul daripada penarikan balik pemberhentian atau penggantungan itu.
11. Majlis boleh pada bila-bila masa dan tanpa menyentuh jaminan Penjamin-Penjamin dan tanpa melepaskan atau dengan apa cara jua menyentuh tanggungan-tanggungan Penjamin-Penjamin di bawah Perjanjian ini:-
 - i) Memberikan kepada Pelajar beberapa masa atau lain-lain keperluan;
 - ii) Mengubahsuai atau menambah syarat-syarat Perjanjian ini; dan
 - iii) Memberi kepada Pelajar apa-apa Jumlah atau jumlah-jumlah tambahan tersebut di bawah Fasal 2 Perjanjian ini yang pembayaran baliknya hendaklah disifatkan sebagai digerenti dan dijamin oleh Penjamin-Penjamin mengikut syarat-syarat Perjanjian ini;
 - iv) Meminda atau mengurangkan elaun sara hidup, yuran pengajian atau membayar sebahagian sahaja daripada elaun tersebut.
12. Jika, menurut Fasal 3 Perjanjian ini, Majlis menyediakan suatu skim pembayaran balik berkenaan wang yang kena bayar oleh Pelajar kepada Majlis, Pelajar adalah dengan ini tidak berubah lagi bersetuju untuk membenarkan Majlis membuat perkiraan dengan sesiapa jua majikan Pelajar kemudian nanti supaya gajinya dipotong dengan sewajarnya bagi pihak Majlis.

13. Jika, menurut Fasal 9 Perjanjian ini, Pelajar dikehendaki membayar kepada Majlis Pinjaman tersebut sama ada dengan sekaligus atau melalui sesuatu skim pembayaran balik, Pelajar dengan ini tidak berubah lagi bersetuju untuk membenarkan Majlis membuat perkiraan dengan Pihak berkuasa yang bertanggungjawab bagi bayaran biasiswa, dermasiswa, pemberian, pinjaman atau apa-apa bentuk bantuan kewangan Pelajar dan supaya biasiswa, dermasiswa, pemberian, pinjaman atau apa-apa bentuk bantuan kewangan pelajar itu dipotong dengan sewajarnya bagi pihak Majlis.

Bagi maksud-maksud perenggan di atas, pihak berkuasa hendaklah diertikan sebagai termasuk Bendahari Universiti atau Kolej di mana Pelajar pada masa yang berkenaan belajar.

14. Pelajar dengan ini memberi pengakuan akan membayar balik kepada Majlis apabila dituntut semua kos dan perbelanjaan termasuk kos guaman atas asas Peguamcara – anakguam untuk menuntut menyaman atau mendapatkan balik wang terhutang oleh Pelajar kepada Majlis atau menguatkuasakan apa-apa tanggungan lain di bawah Perjanjian ini.
15. Duti setem yang kena dibayar kepada Perjanjian ini hendaklah ditanggung dan dibayar oleh Pelajar.
16. Adalah dengan ini dipersetujui dan diakui bahawa Jadual-jadual kepada Perjanjian dan Surat Tawaran Pinjaman Pelajaran Bil MARA bertarikh dan apa-apa tambahan atau pindaan kepadanya hendaklah dibaca bersama dan menjadi sebahagian daripada Perjanjian ini.
17. Dalam Perjanjian ini, perkataan-perkataan yang membawa maksud sebagai seseorang lelaki hendaklah disifatkan sebagai termasuk pihak perempuan dan lain-lain pihak dan bilangan tunggal bersama bilangan banyak dan sebaliknya melainkan perkara tersebut berlawanan dengan kandungan ayat.
18. Pelajar dan Penjamin-Penjamin adalah dengan ini memberikan kebenaran kepada Majlis untuk menghubungi bank Pelajar / Penjamin-Penjamin, Jabatan Hasil Dalam Negeri atau / dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan/atau agensi-agensi lain berkaitan untuk mendapatkan maklumat-maklumat peribadi Pelajar / Penjamin-Penjamin apabila diperlukan bagi tujuan menguatkuasakan Perjanjian ini.
19. Adalah dengan ini dipersetujui dan diakui bahawa walau apa pun yang berlawanan yang terkandung di atas Majlis boleh tanpa memberikan apa-apa notis kepada Pelajar menarik balik / mengurangkan kadar Pinjaman tersebut atau menamatkan Perjanjian ini dan pada bila-bila masa, tanpa memberi apa-apa sebab baginya dan dengan itu semua faedah kepada Pelajar atau Penjamin-Penjamin di bawah Perjanjian ini hendaklah terhenti, melainkan jika pada masa itu Pelajar berada di sesebuah negeri seberang laut, Majlis hendaklah memberi Pelajar tambang balik ke Malaysia mengikut jalan laut atau udara dan dengan kelas sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis.
20. Adalah dengan ini dipersetujui dan diakui bahawa penyata akaun dan butir-butir kewangan yang dikeluarkan oleh Akauntan Majlis atau lain-lain pegawai yang diberikuasa oleh Majlis dari semasa ke semasa mengenai jumlah baki dan liabiliti yang terhutang kepada Majlis oleh Pelajar hendaklah diterima oleh Pelajar dan Penjamin-Penjamin, waris wakil atau peguam sebagai akhir dan muktamad untuk sebarang tujuan termasuk untuk tindakan undang-undang dan tidak boleh dipersoalkan lagi.
21. Memadai sekiranya notis-notis yang hendak diserahkan kepada Pelajar dan / atau Penjamin-Penjamin itu dialamatkan dan dihantar ke alamat dalam Perjanjian ini dan memadailah sekiranya notis-notis yang dihantar dengan pos dikira terserah pada masa yang ianya sepatutnya sampai di alamat yang dituju.

22. Adalah dengan ini dipersetujui dan diakui bahawa sebarang proses pemula mahkamah boleh diserahkan dengan menghantar salinan tersebut secara pos berdaftar dan pengakuan yang tersebut oleh pihak berkuasa pos adalah dianggap sebagai serahan cukup dan sempurna.

PADA MENYAKSIKAN HAL-HAL DI ATAS pihak-pihak yang tersebut dalam Perjanjian ini telah menurunkan di sini tandatangan dan meteri mereka pada haribulan dan tahun yang mula-mula tertulis di atas.

DITANDATANGANI oleh Pelajar]
tersebut di hadapan: Tandatangan Pelajar

Nama :

No. KP :

Cop Rasmi Jawatan & Jabatan :]
Tandatangan Saksi

Disempurnakan & ditandatangani oleh]
bagi pihak MAJLIS AMANAH RAKYAT
Cop Rasmi Jawatan dan Jabatan

di hadapan :]
Cop Rasmi Jawatan dan Jabatan

DITANDATANGANI oleh Penjamin]
tersebut di hadapan: Tandatangan Penjamin Pertama

Nama :

No. KP :

Cop Rasmi Jawatan & Jabatan :]
Tandatangan Saksi

DITANDATANGANI oleh Penjamin]
tersebut di hadapan: Tandatangan Penjamin Kedua

Nama :

No. KP :

Cop Rasmi Jawatan & Jabatan :]
Tandatangan Saksi

